KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

TEKS UCAPAN:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI

DAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA:

MAJLIS PELANCARAN PELAN PEMBANGUNAN,

PUSAT PERTUMBUHAN DESA (PPD)

SUNGAI ASAP, GUA MUSANG

TARIKH:

30 JULAI 2024 (SELASA)

TEMPAT:

DATARAN RKT KESEDAR, SUNGAI ASAP

GUA MUSANG, KELANTAN

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

(SALUTASI SEWAJARNYA)

MUKADDIMAH

1. Saya ingin bertanya kepada saudara dan saudari, sampai bila anda ingin terus dibelenggu dengan pelbagai isu dan masalah yang tidak berkesudahan di negeri ini? Walaupun saya tidak sebutkan apa masalah-masalah itu, saya percaya anda sendiri mempunyai jawapan masing-masing terhadap persoalan tersebut.

2. Cukup-cukuplah jika selama ini kita hanya mendengar tohmahan, sikap tuding jari dan menyalahkan orang lain atas kegagalan oleh kepimpinan Kerajaan Negeri Kelantan dalam mentadbir dan membangunkan kesejahteraan rakyat.

3. Benar, Kerajaan Perpaduan juga mengharapkan sokongan dan komitmen yang padu daripada seluruh rakyat Kelantan, tetapi sokongan ini bagi memudahkan Kerajaan merealisasikan agenda membangun negara

sepertimana Majlis Pelancaran Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Sungai Asap, Gua Musang pada petang ini. Majlis ini jelas memperlihatkan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menafikan hak-hak yang sepatutnya dinikmati di negeri ini.

PERUNTUKAN KKDW KEPADA RAKYAT MELALUI KESEDAR

Hadirin sekalian,

4. Kerajaan Perpaduan pada tahun 2024 telah memperuntukkan sebanyak RM395.8 bilion untuk perbelanjaan Negara. Daripada jumlah tersebut, KKDW telah diperuntukkan sebanyak RM11.55 bilion meliputi RM7.44 bilion untuk peruntukan Pembangunan dan RM4.11 bilion adalah peruntukan Mengurus. Berdasarkan kedudukan peruntukan pembangunan yang diterima tersebut, KKDW berada di tangga ketiga tertinggi selepas Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Kerja Jaya (KKR).

5. Tentu sekali Kerajaan Perpaduan tidak pernah melupakan rakyat di Negeri Kelantan terutamanya di Wilayah Kelantan Selatan. Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, iaitu bermula tahun 2021 sehingga tahun 2024, Kerajaan telah memperuntukan sebanyak

RM153.2 juta untuk tujuan pembangunan di wilayah Kelantan Selatan melalui KESEDAR. Bagi tahun 2024 sahaja, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sejumlah RM36.47 juta merangkumi pelaksanaan 27 program dan projek pembangunan.

6. Manakala khusus kepada rakyat yang berada di DUN Nenggiri melalui KESEDAR pada tahun 2024 telah memperuntukan sebanyak RM2.1 juta untuk pelaksanaan pelbagai projek pembangunan melibatkan kemudahan awam, infrastruktur perhubungan, utiliti desa dan bantuan keusahawanan yang memberi manfaat langsung kepada lebih 30,000 orang penduduk.

PUSAT PEMBANGUNAN DESA DI WILAYAH KELANTAN SELATAN

Hadirin sekalian,

7. Kementerian melalui KESEDAR juga telah meluluskan peruntukan yang besar untuk melaksanakan dua (2) Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) yang baru kepada penduduk Wilayah Kelantan Selatan khususnya di Gua Musang. PPD adalah berkonsepkan pembangunan penempatan secara bersepadu iaitu pembangunan perumahan desa secara tersusun yang dilengkapi

dengan pelbagai kemudahan asas.

8. Sepertimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, KESEDAR sedang giat melaksanakan Program Pemajuan Kawasan (PPK) di Paloh 2, Gua Musang yang menelan kos pelaksanaan sebanyak RM25 Juta dan Projek PPD KESEDAR di kawasan Paloh Gua Musang yang berjumlah RM20.5 Juta. Kedua-dua projek ini dijangka siap pada 2028 dan memberi impak yang tinggi kepada masyarakat di kawasan Gua Musang.

9. PPD kedua yang telah diluluskan dan menjadi asbab saya hadir pada hari ini adalah Projek PPD KESEDAR Sungai Asap yang akan menelan belanja sebanyak RM20.7 juta dan kini dalam penyediaan rekabentuk tapak.

10. Kita maklum mengenai masalah kesukaran generasi kedua dan ketiga untuk memiliki kediaman yang selesa dan kondusif disebabkan harga tanah yang semakin tinggi yang mana tidak mampu dibiayai oleh mereka untuk membina rumah. Atas dasar keprihatinan, maka Kerajaan telah meluluskan kepada KESEDAR untuk melaksanakan Program Penempatan seperti PPD Sungai Asap, Gua Musang.

11. Antara komponen yang terlibat dalam pelaksaaan projek ini ialah penyediaan 132 lot rumah, lot kedai dan tapak pasar, kemudahan masjid, tangki air, dewan serbaguna, bekalan air, elektrik, talian internet, padang serta jalan masuk yang memberi manfaat kepada 132 keluarga yang bersamaan 650 orang penduduk peneroka generasi kedua dan ketiga.

12. Saya yakin, projek yang dijangka siap pada tahun 2028 ini nanti dijangka dapat menyelesaikan isu yang dihadapi oleh peneroka-peneroka generasi kedua dan ketiga selain dapat menyediakan kemudahan-kemudahan lain secara bersepadu dan teratur.

13. Selain itu, sebagai usaha berterusan pihak Kementerian melalui KESEDAR, terus komited untuk meneruskan Program PPD seperti PPD Sungai Asap ini, KESEDAR telah mengenalpasti beberapa lagi PPD untuk dibangunkan pada RMKe-13.

PERUNTUKAN PEMBANGUNAN DI DUN NENGGIRI

14. Selain itu, terdapat juga peruntukan pembangunan di DUN Ninggiri ini antaranya yang **pertama - Bantuan Sara Hidup (BSH) Peneroka dan Pengurusan Lot Ladang**.

i. BSH disediakan untuk membantu para peneroka menampung keperluan kehilangan pendapatan semasa proses tanam semula sawit. Para peneroka diberi Bantuan Sara Hidup RM1,000 sebulan sehingga hasil ladang sawit dapat dituai dan diserahkan pengurusannya kepada peneroka.

ii. Pada tahun 2024 sahaja, bagi tujuan ini KESEDAR telah menyediakan peruntukan sebanyak RM5.5 Juta kepada 459 peneroka di RKT Sungai Asap dan RKT Jeram Tekoh. Saya berharap, bantuan yang diberikan ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat dan peneroka menampung keperluan hidup.

iii. Hari ini KESEDAR akan menyerahkan pengurusan ladang kepada 70 orang peneroka meliputi 40 peneroka Jeram Tekoh dan 30 peneroka Sungai Asap. Penyerahan ini bermaksud ladang tersebut akan diuruskan sepenuhnya oleh peneroka yang mana jangkaan hasil daripada ladang tersebut dapat dijana bersih antara RM3,000 - RM5,000.

iv. Dengan demikian, para peneroka diharapkan dapat menjaga ladang-ladang yang diserahkan ini dengan

amalan pertanian baik seperti pembajaan dan pengurusan ladang yang teratur.

15. **Kedua – Lot Rumah Taman Agropolitan**.

i. Taman Agropolitan Rantau Manis di Gua Musang, Kelantan, merupakan satu projek bersepadu untuk meningkatkan taraf hidup Masyarakat yang berada di bawah garis kemiskinan.

ii. Projek yang dibangunkan di atas tanah milik KESEDAR berkeluasan 350 hektar oleh pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) pada tahun 2009 dengan kos RM250 juta meliputi pembangunan Kawasan penempatan secara tersusun yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan asas dan awam seperti jalan, masjid, sekolah, dewan, taman permainan, kedai, dan lain-lain.

iii. Selain itu, pihak peserta telah disediakan peluang pekerjaan untuk meningkatkan pendapatan mereka di ladang-ladang milik KESEDAR. Pelbagai program bantuan ekonomi meliputi latihan, bantuan peralatan serta khidmat sokongan lain juga disediakan pihak KESEDAR dalam membantu para

peserta menjalankan aktiviti perusahaan atau perniagaan.

iv. Hasil daripada pelaksanaan projek ini, seramai 585 peserta telah dapat meningkatkan pendapatan tambahan mereka sehingga mencecah RM2,300 sebulan. Sejajar dengan kejayaan meningkatkan pendapatan tersebut, para peserta juga dapat meningkatkan taraf hidup melalui penyediaan rumah yang selesa kepada peserta.

v. Dengan demikian, pada hari yang penuh bermakna ini, kita sama-sama dapat menyaksikan penyerahan lot-lot rumah kepada 585 peserta di Taman Agropolitan Rantau Manis, Gua Musang

16. **Ketiga - Program Kesejahteraan Rakyat Bagi Peningkatan Pendapatan.**

i. Selain projek-projek berskala besar yang telah saya sebutkan tadi, pihak Kementerian juga tidak ketinggalan dalam usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat, penduduk di Kawasan Dun Nenggiri juga melalui pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) atau kini

dikenali sebagai Projek Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS).

ii. Bagi tahun 2021 sehingga 2024, Kementerian melalui KESEDAR telah membina sebanyak 37 unit rumah PPRS dengan kos RM2.2 juta dan membaik pulih sebanyak 92 unit rumah dengan kos RM1.3 juta kepada penduduk di Kawasan Dun Nenggiri.

iii. KKDW juga banyak menyalurkan peruntukan kepada KESEDAR di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP) yang memperuntukkan sebanyak RM540 ribu daripada tahun 2021 hingga 2024 dengan penerima manfaat seramai 54 orang.

iv. Bagi menyahut hasrat Kerajaan Madani, KKDW juga memperuntukkan sejumlah peruntukan melalui Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) iaitu menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan bagi membolehkan kumpulan sasar mengikuti kursus-kursus latihan jangka pendek, sederhana dan panjang termasuk kemahiran asas Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) Sijil Kemahiran Malaysia SKM I, SKM II dan SKM III.

v. Dari tahun 2021 hingga 2024, KESEDAR telah membelanjakan sejumlah RM210 ribu kepada golongan belia di Kawasan Dun Nenggiri yang memanfaat kan seramai 42 peserta dengan kos RM5 ribu setiap peserta.

vi. InsyaAllah, Kerajaan Persekutuan akan terus memacu lebih banyak program-program pembangunan yang boleh meningkatkan kesejahteraan rakyat di kawasan Dun Nenggiri dan kawasan Kelantan Selatan umumnya.

KEBERKESANAN KERAJAAN MADANI

Hadirin sekalian,

17. Lihatlah, komitmen yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan pada hari ini. Sejujurnya saya sendiri tidak nampak di mana relevannya sesetengah pihak yang membuat dakwaan bahawa Kerajaan MADANI telah bersikap pilih kasih dan menganaktirikan negeri-negeri yang tidak sehaluan politik dengan Kerajaan Persekutuan.

18. Saya ingin mengajak saudara dan saudari semua untuk melihat dan berfikir dengan lebih rasional terhadap

keupayaan Kerajaan MADANI. Apa yang dilaungkan oleh Kerajaan terbukti bukan hanya omongan kosong, tetapi pelaksanaan dan impaknya sebahagiannya telah dapat dirasai oleh rakyat di seluruh negara.

19. Saya tahu, masyarakat di negeri ini Kelantan telah sekian lama dimomokkan oleh kumpulan tertentu tentang ancaman terhadap keharmonian dan nilai-nilai masyarakat Malaysia oleh parti-parti tertentu di dalam gabungan Kerajaan Perpaduan ini.

20. Hari ini, sekali lagi saya memberi jaminan kepada saudara dan saudari semua bahawa seluruh hak rakyat Malaysia akan sentiasa terbela tanpa mengira agama dan bangsa. Perlembagaan Malaysia, Bangsa Melayu, Agama Islam sebagai agama rasmi negara dan kedudukan Raja-Raja Melayu akan sentiasa dipertahankan.

21. Yakinlah, Kerajaan Perpaduan ini merupakan sebuah Kerajaan yang menjunjung tinggi prinsip keadilan dalam setiap tindakan. Kerajaan ini juga memiliki barisan kepimpinan yang bijaksana, adil dan berkomitmen untuk memajukan negara dan memberikan khidmat yang terbaik kepada seluruh rakyat tanpa mengira latar belakang warna, kaum, dan agama.

PENUTUP

22. Kepada masyarakat DUN Ninggiri yang akan mengundi pada PRK yang akan berlangsung pada 17 Ogos nanti, buatlah pilihan dengan penuh rasional, jangan jadikan emosi sebagai penentu pilihan semasa pembuangan undi nanti.

23. Sebelum berakhir, sekali ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir serta memeriahkan majlis pada petang ini termasuk rakan-rakan media yang sudi hadir membuat liputan.

24. Sekalung tahniah diucapkan kepada KESEDAR serta semua pihak yang bertungkus-lumus untuk menjayakan Majlis Pelancaran Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Sungai Asap di Negeri Kelantan.

25. Dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Pelan Pembangunan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD) Sungai Asap di Negeri Kelantan.

Sekian,

Wabillahi taufiq walhidayah,

Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabarakatuh.